

**Kuala Terengganu**

### **UniSZA saran tingkat usaha penyelidikan**

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menyarankan kakitangan akademiknya supaya meningkatkan usaha sama dengan pihak swasta bagi menjalankan penyelidikan dan inovasi.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim berkata, dana universiti berjumlah RM10 juta bagi penyelidikan tidak mencukupi untuk menjalankan kajian berskala besar.

Menurutnya, peranan tenaga akademik amat penting dalam menjalinkan usaha sama dengan pihak tertentu bagi membolehkan sesuatu kajian dan inovasi dilakukan lebih sempurna.

**HARIAN MEIRO**  
15/04/2015

## **UniSZA rancang tawar kursus bahasa asing**

**Kuala Terengganu:** Universiti Sultan Zainal Abidin UNiSZA merancang memperkenalkan pengajian bahasa kedua dengan menawarkan kursus Sarjana Muda Bahasa Melayu dan minor bahasa asing seperti bahasa Jepun, Mandarin dan Jerman.

Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Prof Madya Dr Nazri Latiff Azmi, berkata pihaknya sudah mengenal pasti beberapa universiti untuk menawarkan program secara berkembar bagi kursus itu.

"Tempoh pengajian adalah selama tiga tahun, iaitu dua tahun di Malaysia dan setahun di universiti terpilih mengikut pengajian bahasa yang dipilih dan program ini terbuka kepada pelajar tempatan dan luar negara.

### **Penyelarasan yuran**

"Setakat ini, kami masih dalam proses perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai penyelarasan yuran kerana ia berbeza mengikut negara yang dipilih," katanya pada majlis sambutan pelajar Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) ke UNiSZA Kampus Gong Badak di sini, baru-baru ini.

Seramai 11 pelajar dan seorang bekas tenaga pengajar TUFS menyertai Program Kembara Ilmu bertujuan mewujudkan hubungan dua hala antara UNiSZA dengan TUFS.

**BERITA HARIAN**  
16/04/2015